

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Y.B. DATUK AARON AGO ANAK DAGANG  
[ KANOWIT ]**

**TARIKH : 25.11.2015**

**SOALAN :**

**Datuk Aaron Ago anak Dagang [ Kanowit ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan keperluan Sekolah Vokasional & Pusat Latihan Teknikal dan pengambilan tahunan pelajar (*trainee*) untuk mengisi atau memenuhi keperluan negara supaya kita tidak bergantung kepada tenaga mahir dari luar negara.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah mengambil pelbagai langkah dan usaha yang berterusan bagi memastikan Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) dapat memenuhi keperluan negara dan kehendak pasaran kerja supaya tidak bergantung kepada tenaga mahir dari luar negara.

Antara langkah-langkah yang telah dibuat oleh KPM bagi melahirkan golongan berkemahiran adalah melalui Transformasi Pendidikan Vokasional (TPV) adalah:

1. Menaik taraf 80 buah Sekolah Menengah Vokasional (SMV) kepada Kolej Vokasional (KV);
2. Melaksanakan program Pendidikan Asas Vokasional (PAV) di 85 buah SMK;
3. Mengadakan kerjasama dengan Institut Latihan Kemahiran Awam (ILKA) dan Institut Latihan Kemahiran Swasta (ILKS) melalui program *buying places* di mana ILKA dan ILKS terbabit melaksanakan program pendidikan vokasional di institusi mereka dengan kos yuran dibiayai oleh KPM sepenuhnya;
4. Menjalinkan kerjasama secara *buying seats* dengan ILKS untuk melaksanakan transformasi pendidikan vokasional bagi Murid Berkeperluan Khas (MBK) dalam bidang kemahiran seperti kulinari, penyediaan makanan, pengkomputeran, multimedia dan automatif. Sehingga ini terdapat sejumlah 1,210 orang murid berkeperluan khas yang sedang mengikuti pendidikan dan latihan vokasional di enam buah ILKS; dan
5. Akan melaksanakan Program Vokasional Menengah Atas (PVMA) pada tahun 2016 di 404 buah Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) terpilih yang sedang melaksanakan Mata Pelajaran Vokasional (MPV). Dianggarkan seramai 10,100 orang murid akan mengikuti PVMA pada tahun hadapan.

Bagi melaksanakan transformasi pendidikan vokasional ini, perjanjian-perjanjian kerjasama telah dimeterai dengan pihak industri yang berkaitan. Kerjasama ini dijalankan berteraskan pendekatan Strategi

Lautan Biru Kebangsaan (*National Blue Ocean Strategy* – NBOS) yang dijalankan oleh kerajaan bagi mengoptimumkan kepakaran dan kemudahan yang dimiliki oleh agensi dan industri tempatan. Hasil kerjasama dengan pihak agensi dan industri serta swasta tersebut telah berjaya meningkatkan kadar enrolmen murid yang mengikuti pendidikan vokasional di KV KPM, ILKA dan ILKS bermula dari tahun 2012 hingga kini yang telah mencapai angka seramai 57,788 orang murid.

RJM60

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 25 NOVEMBER 2015  
[ RABU ]**

**DARIPADA : Y.B. TUAN NGA KOR MING  
[ TAIPING ]**

**SOALAN :-**

**Y.B. TUAN NGA KOR MING [ TAIPING ]** minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan setakat 15 September 2015, berapakah unit rumah mampu milik, telah dibina dan akan dibina oleh Kerajaan Persekutuan mengikut nama-nama negeri masing-masing.

**JAWAPAN :-**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan melalui pelbagai agensi pelaksana telah membina serta sedang menyiapkan sebanyak 373,382 unit rumah mampu milik. Manakala sebanyak 349,631 unit rumah lagi dalam pelbagai peringkat perancangan yang terdekat untuk dimulakan pembinaan.

Kementerian akan terus bekerjasama dengan pelbagai agensi Kerajaan yang lain dan sektor swasta dalam memenuhi keperluan rakyat untuk memiliki rumah mampu milik di samping mencapai sasaran yang telah ditetapkan oleh Kerajaan.